

8

ASPEK PENDIDIKAN DALAM HUBUNGAN ETNIK

KASSIM THUKIMAN
ZALIZA MOHD. NASIR

PENGENALAN

Bidang pendidikan di Tanah Melayu mempunyai sejarah yang panjang. Ia mempunyai kaitan dengan sosiobudaya penduduk dari pelbagai kaum. Kewujudan sistem pendidikan itu pula menggambarkan pemikiran sesebuah masyarakat itu sendiri. Orang Melayu misalnya, telah mengalami sistem pendidikan yang berasaskan agama, berubah kepada keperluan zaman dan akhirnya turut mengalami pendidikan sekular. Kedatangan penjajah turut memberi kesan kepada bidang pendidikan dan telah mewarnai perkembangan sistem pendidikan. Penjajah British juga telah menggunakan sistem pendidikan sebagai suatu mekanisme untuk mengukuhkan lagi dasar kolonialisme dan imperialisme di negara ini. Sebab itulah kesan yang paling ketara ialah pembentukan sekolah vernakular, hasil daripada dasar pecah dan perintah British untuk mengukuhkan kemajmukan masyarakat.

PENDIDIKAN AWAL

Pembentukan tamadun awal di Nusantara mempunyai kaitan dengan pembangunan ilmu pengetahuan. Kerajaan Srivijaya, Aceh dan Melaka menggambarkan keadaan tersebut. Justeru itu, kita boleh melihat sejak sekian lama penduduk Tanah Melayu juga mementingkan ilmu pengetahuan. Tradisi ini begitu ketara pada zaman Kesultanan Melayu, di mana pihak istana amat menghormati golongan ilmuwan (ulama)

dan memartabatkan kitab-kitab yang dikarang atau dibawa dari luar. Justeru itu, golongan ulama yang memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam ke rantau ini begitu dihormati. Kedudukan dan martabat mereka dalam hirarki sosial juga meningkat. Hubungan yang akrab dengan pihak istana dan rakyat telah membolehkan ajaran agama Islam telah dapat diterima, dipelajari dan difahami dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, banyak kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama dirujuk dan disanjung. Tulisan jawi yang merupakan asas pengajian al-Qur'an juga digunakan secara meluas dalam bidang ilmu, pengkaryaan (penerbitan) dan pentadbiran. Pendidikan al-Qur'an juga berkembang dengan pesatnya. Bahasa Melayu yang menjadi media komunikasi di rantau ini menjadikannya bahasa Islam, selain bahasa Arab. Malah bahasa Melayu banyak meminjam istilah-istilah dari bahasa Arab. Sebagai contoh, Majalah Ahkam Johor yang merupakan undang-undang Islam Johor telah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Undang-undang tersebut telah dipinjam dari kerajaan Uthmaniyyah di Turki.

DASAR PENDIDIKAN BRITISH

Kesimpulan awal untuk menunjukkan dasar pendidikan British boleh disandarkan kepada pernyataan Steinberg iaitu “dalam kesibukan aktiviti ekonomi yang berlaku terutamanya di waktu permulaan pemerintahan British, kehidupan orang Melayu tidak disentuh. Pihak penjajah merasakan tidak perlu menyerapkan orang Melayu sama ada dalam perusahaan, perlombongan dan perladangan. Dakwaannya ialah tidak ramai orang Melayu yang bersedia untuk bekerja sebagai buruh di dalam suatu sistem yang baru di negara mereka”. Ini menunjukkan dasar pendidikan British hanyalah sebagai pelengkap kepada dasar utama penjajah iaitu dasar pecah dan perintah. Justeru itu, British sangat menggalakkan sistem pendidikan vernakular. Dasar pendidikan British bukan bertujuan untuk mengangkat martabat penduduk, tetapi sekadar memenuhi ‘tanggunganjawab sosial’ yang paling minimum.

Ini boleh dilihat berdasarkan peruntukan kewangan yang sedikit, infrastruktur yang teruk, guru-guru yang tidak terlatih dan matlamat pendidikan itu sendiri yang begitu rendah.

PENDIDIKAN ORANG MELAYU

Pada peringkat awal, pendidikan orang Melayu lebih banyak berorientasikan pendidikan agama. Tumpuan diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an. Ini disebabkan al-Qur'an adalah merupakan sumber rujukan dan sumber ilmu pengetahuan bagi orang Islam. Kaedah pendidikan yang digunakan begitu informal, yang dijalankan di rumah, surau, madrasah dan masjid. Kemudiannya, terdapat sistem pendidikan pondok sebagai pusat pembelajaran dan tempat tinggal pelajar. (Awang Had Salleh, 1977) Suasana pendidikan pondok begitu subur di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Pelajar-pelajar diajar kemahiran asas untuk pandai menulis, membaca dan mengira. Ini membolehkan mereka berupaya membaca dan memahami isi kandungan al-Qur'an. Justeru itu, secara tidak langsung mereka juga mempelajari bahasa Arab. (Khoo Kay Kim, 1980)

Zaman penjajahan menuntut kesedaran yang mendalam di kalangan rakyat. Dalam menggerakkan kesedaran rakyat, mereka memerlukan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, golongan ulama yang dikenali sebagai Kaum Muda, telah memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan orang Melayu untuk mendapatkan pendidikan. Mereka berpendapat sekiranya orang Melayu mendapat pendidikan yang tinggi, mereka akan menikmati mobiliti sosial dan seterusnya mampu membangunkan umat. Untuk menseimbangkan keperluan dunia dan akhirat, orang Melayu digalakkan untuk mendapatkan pendidikan Islam dan moden. Golongan ulama jugalah yang berjaya membetulkan pemikiran orang Melayu bagi memperjuangkan emansipasi wanita. Kaum wanita juga digalakkan untuk mendapatkan pendidikan sama dengan kaum lelaki.

Perkembangan sekolah Melayu agak perlahan. Pada tahun 1907, terdapat 232 buah sekolah Melayu untuk murid-murid lelaki dan 34 buah sekolah untuk murid-murid perempuan. (Awang Had Salleh, 1980:5) Namun begitu, terdapat juga halangan untuk memasukkan orang Melayu ke sekolah Melayu kerana terdapat pemikiran yang mengaitkannya dengan pendidikan sekular. Pada ketika itu, orang Melayu lebih cenderung menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan agama. Penjajah British pula lebih memberatkan Negeri-Negeri Selat yang merupakan koloni British. NNS sudah mempunyai nazir sekolah-sekolah pada tahun 1872. Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, mereka hanya mempunyai jawatan nazir sekolah pada tahun 1897. Jawatan nazir sekolah adalah penting dalam memantau pengurusan sekolah dan perkembangan pendidikan.

Pertumbuhan sistem pendidikan adalah tidak seimbang mengikut negeri-negeri. Pada tahun 1897, hanya terdapat sebuah sekolah Melayu di Kedah untuk murid-murid lelaki, dan khusus untuk anak-anak orang kenamaan dan pembesar sahaja. Pada tahun 1910, terdapat 20 buah dan bertambah kepada 29 buah pada tahun 1911. Manakala di Kelantan, sekolah Melayu pertama telah dibangunkan pada tahun 1903. Penubuhan sekolah Melayu juga agak lewat di Terengganu iaitu pada tahun 1915. Negeri Johor dikatakan negeri yang beruntung kerana Sultan Johor mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai British. Pada tahun 1913, terdapat 56 buah sekolah Melayu dan bertambah kepada 68 buah sekolah pada tahun 1914. Adalah jelas menunjukkan bagi negeri-negeri yang majoritinya orang Melayu, kerajaan British tidak berminat untuk membangunkan sistem persekolahan.

Emily Sadka pernah menghuraikan sekolah Melayu seperti berikut:

- i. Dari segi prasarana, sekolah-sekolah Melayu adalah begitu daif dan buruk.
- ii. Guru-gurunya juga tidak terlatih.

- iii. Gaji guru yang rendah.
- iv. Mereka terpaksa mengajar empat darjah dalam suatu masa dalam sebuah sekolah yang hanya mempunyai sebuah bilik darjah.
- v. Lulusan sekolah Melayu sukar untuk mencapai mobiliti sosial yang lebih tinggi.

PENDIDIKAN PERGURUAN

Untuk menghasilkan tenaga kerja dalam sektor pendidikan, kerajaan British telah menubuhkan Maktab Melayu pada tahun 1878 di Singapura. Maktab ini diselia oleh Reverend J. Keasberry dengan peruntukan kewangan tahunan sebanyak \$2,400. Latihan perguruan yang diberi hanya untuk bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Maktab tersebut telah ditutup pada tahun 1895. Pada tahun 1900, sebuah Maktab Latihan Perguruan telah ditubuhkan di Melaka. (Ramlah Adam, 1991) Terdapat sebuah lagi maktab perguruan di Taiping, tetapi jangka hayatnya dua tahun sahaja. Pada tahun 1913, sebuah lagi maktab perguruan dibangunkan di Matang, Perak. Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim pada tahun 1922 telah menggantikan Maktab Perguruan Melaka dan Matang di Perak. (Awang Had Salleh, 1980)

Semasa menjajah negara ini, British mengamalkan dasar dualisme dalam bidang pendidikan untuk orang Melayu. Bagi rakyat kebanyakan terutama di luar bandar, mereka mengadakan sekolah vernakular Melayu yang dibuat secara minimum atau ala-kadar sahaja. Penjajah British memberi layanan yang berbeza (diskriminasi) dalam bidang pendidikan untuk orang Melayu. Untuk anak-anak kelas bangsawan, mereka dilayan begitu istimewa di MCKK (1905). Manakala bagi anak-anak kelas bawahan (petani dan nelayan), tempat mereka yang paling sesuai ialah SITC (1922). Dasar pendidikan British sekadar untuk mengurangkan kadar buta huruf di kalangan orang Melayu. Oleh itu, penubuhan SITC sekadar untuk menampung

keperluan guru-guru yang dihantar ke sekolah-sekolah Melayu, bagi mengajar anak-anak Melayu dan mengekalkan status quo mereka sebagai nelayan dan petani yang lebih cerdik sedikit daripada ibu bapa mereka. Jelasnya, pendidikan sekolah tidak dapat meningkatkan mobiliti sosial di kalangan orang Melayu.

Penubuhan SITC diibaratkan sebagai “senjata makan tuan”. Hal ini disebabkan pengelompokan orang Melayu kelas bawahan telah menyatukan pemikiran mereka dan menimbulkan kesedaran politik yang mendalam di kalangan orang Melayu. Golongan guru yang dihasilkan oleh SITC telah menggerakkan kesedaran politik dengan menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1937 yang dipimpin oleh Cikgu Ibrahim Haji Yaakob. Majalah Guru telah diterbitkan untuk menyebarkan idea perjuangan. Penubuhan KMM bertujuan untuk menentang penjajahan British, menentang raja-raja Melayu yang bersekongkol dengan penjajah British dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan bersatu bersama Indonesia. (William R. Roff, 1980) Peranan SITC sebagai wadah perjuangan politik orang Melayu turut disertai oleh golongan wartawan dan pelajar-pelajar lulusan Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang. Pada tahun 1931, gerakan ‘pembersihan’ di SITC telah dijalankan oleh pentadbiran kolonial British. Antara tindakan yang diambil ialah dengan memberhentikan perkhidmatan pengetua SITC O.T. Dussek, Zainal Abidin Ahmad (Za’ba) dipindahkan ke Singapura, Harun Aminurrashid dipindahkan ke Brunei dan Abdul Hadi Hassan dipindahkan ke Kelantan. Tindakan kolonial ini, walaupun tidak memadamkan kesedaran nasionalisme di kalangan orang Melayu, tetapi sedikit sebanyak telah menjejaskan perkembangannya.

Bagi anak-anak golongan bangsawan, kerajaan British melayan mereka dengan penuh keistimewaan. Sistem pendidikan mereka diasingkan daripada anak-anak rakyat biasa. British telah mendirikan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1905. Ia menyamai sekolah diraja untuk anak-anak golongan bangsawan di London. Tujuan utama penubuhan MCKK ialah “sebagai sebuah institusi pendidikan yang berkait rapat dengan satu

objektif politik, untuk memberikan bakal-bakal sultan, ketua-ketua Melayu dan golongan bangsawan tradisional satu pendidikan Inggeris yang sesuai yang dapat menyediakan mereka untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran kerajaan British”. Namun begitu, pada hakikatnya lulusan dari MCKK bukanlah diberikan kedudukan perjawatan yang paling tinggi (Malayan Civil Service), sebaliknya mereka hanya ditempatkan sebagai Malay Administrative Service (MAS). (Khasnor Johan, 1982) Kebanyakan lulusan MCKK sangat kurang menyertai kegiatan politik kerana perkara itu dianggap sensitif dan boleh menggugat kedudukan takhta di istana. Kebanyakan mereka hanya menyertai persatuan-persatuan Melayu negeri untuk membangunkan bangsa Melayu menerusi pencapaian pendidikan. Walaupun dasar diskriminasi pendidikan ini dikritik dan ditentang hebat oleh pejuang-pejuang kemerdekaan, namun ada juga yang menghargainya. Salah seorang Ahli Lembaga Pengelola MCKK, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pernah menyatakan bahawa “I do not like the idea of the children of rajas and chiefs sitting in school side by side with the children of people who were once our slaves” (Adnan Haji Nawang, 1994:5).

PENDIDIKAN MADRASAH

Akibat daripada dasar pendidikan British yang bersifat sekular, timbul tindak balas di kalangan para ulama untuk memikirkan mambangunkan sistem pendidikan agama yang moden. Mereka telah mengasaskan sistem pendidikan madrasah yang menggabungkan kurikulum pendidikan agama dan pendidikan moden. Sistem pendidikan ini dikatakan mampu untuk mengawal dan menjadi benteng aqidah umat Islam. Ini menunjukkan betapa golongan ulama bukanlah seperti yang sering dianggap sebagai konservatif dan tradisional. Sebaliknya mereka begitu dinamik untuk memberi idea dan fikiran untuk membangunkan bangsa dalam segala lapangan kehidupan iaitu ekonomi, politik dan sosial.

Antara madrasah yang pernah ditubuhkan ialah:

1. Singapura (madrasah Al-Iqbal Al-Islamiyyah pada 1907)
Melaka (madrasah Al-Hadi)
2. Pulau Pinang (madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah dan Al-Masriyah)
3. Perlis (madrasah Al-Alawiyah, Arau)
4. Kedah (madrasah Hamidiyah, Alor Star)
5. Perak (madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar & Il-Ihya Assyarif, Gunung Semanggol)
6. Johor (madrasah Al-Attas, Johor Bahru dan Haji Taib, Muar)
7. Pahang (madrasah Al-Attas, Pekan dan Temerloh)

Pendidikan madrasah telah mencetuskan pembaharuan dalam masyarakat Melayu. Antaranya ialah:

1. Mereka membangunkan umat Islam tanpa meninggalkan syariat agama.
2. Munculnya golongan agama dan pedagang yang berjihad untuk membangunkan sistem pendidikan di kalangan orang Melayu.
3. Sistem pendidikan ini telah mendapat sokongan dari sultan-sultan.
4. Idea dan pemikiran yang lebih meluas untuk membangunkan bangsa Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
5. Melahirkan golongan pemikir dan pejuang dalam usaha untuk membebaskan Tanah Melayu dari belunggu penjajahan.

Namun begitu, terdapat juga kritikan mengenai sistem pendidikan madrasah. Ada kajian menunjukkan bahawa sistem pendidikan madrasah memang berjaya khususnya dalam membangunkan akhlak dan moral serta kefahaman terhadap ajaran dan syariat agama Islam di kalangan masyarakat Melayu. Namun

dalam konteks perubahan sosio-ekonomi, sistem pendidikan madrasah dikatakan gagal untuk merubah dan membangunkan masyarakat. (Abdullah Taib, 1989) Tetapi ada juga kemungkinan konsep kejayaan sosio-ekonomi dilihat dalam perspektif duniawi, sedangkan dalam pendekatan Islam yang dikatakan berjaya (al-falah) ialah untuk mendapat keredhaan, keberkatan dan kerahmatan dari Allah.

PENDIDIKAN ORANG CINA

Penubuhan sekolah Cina mempunyai kaitan dengan penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu secara besar-besaran khususnya pada abad ke-19. Walaupun kehadiran mereka disebabkan tujuan ekonomi, sistem pendidikan untuk masyarakat Cina juga turut dibangunkan. Sekolah Cina dibangunkan dan ditadbir oleh individu (golongan pedagang) atau persatuan-persatuan Cina. Sejak dari awal lagi, perkembangan sekolah Cina bebas dari campur tangan kerajaan British. Sehingga tahun 1920, barulah kerajaan British mewujudkan peraturan dan undang-undang untuk mengawal dan memeriksa sekolah-sekolah Cina yang bertujuan untuk mengelakkan penglibatan mereka dengan kongsi gelap dan anasir subversif. Pihak penjajah British memang tidak berminat untuk membantu sekolah Cina terutamanya dari segi peruntukan kewangan. Minat kerajaan British sebaliknya ialah untuk mengelakkan sekolah Cina bebas dari sebarang penyebaran ideologi, khususnya komunisme. Ini mungkin dikaitkan dengan penubuhan Parti Komunis China pada tahun 1921. Sehingga Perang Dunia Kedua, autonomi dan kebebasan sekolah Cina telah dikekalkan.

Sistem pendidikan Cina menggunakan kaedah pembelajaran tradisional yang menggunakan kaedah hafalan. Guru-guru sekolah Cina pula tidak terlatih. Kebanyakan mereka membuat kerja-kerja sambilan yang lain. Kemudahan sekolah pula adalah kurang baik dan tidak kondusif untuk pembelajaran. Secara keseluruhan, pada peringkat awal, penubuhan sekolah Cina berkait rapat dengan

sistem pendidikan di China. Guru-guru, buku-buku teks, kandungan kurikulum dan bahasa pengantar, kesemuanya dibawa dari negara China. (Victor Purcell, 1980)

Sekolah Cina membangun dengan pesat. Berdasarkan laporan William Milne, pada tahun 1815, terdapat tiga buah sekolah Cina di Melaka. Sekolah Cina yang pertama di Pulau Pinang didirikan pada tahun 1819. Pada tahun 1829, terdapat tiga buah sekolah Cina yang beroperasi di Singapura. Sehingga tahun 1884, terdapat 52 buah sekolah di Pulau Pinang, 51 buah sekolah di Singapura dan 12 buah sekolah di Melaka. Ini menunjukkan perkembangan pesat sekolah Cina mempunyai kaitan dengan perkembangan ekonomi di Negeri-negeri Selat. Sekolah Cina moden yang pertama telah dikenalpasti di Pulau Pinang pada tahun 1904. Sekolah tersebut dinamakan Sekolah Chung Hwa selepas pembaharuan pendidikan di China.

Sekolah Cina juga mengalami pertumbuhan pesat di negeri Johor. Sehingga tahun 1911, terdapat dua buah sekolah Cina yang dibangunkan di Johor Bahru dan Batu Pahat. Pada tahun 1912, Sekolah Chung Hwa telah didirikan di Muar. Pada tahun 1913, Sekolah Foon Yew telah dibangunkan di Johor Bahru. Ia dianggap sebagai sekolah Cina bertaraf moden yang pertama. Antara saudagar yang menyumbang kepada pembinaan sekolah Cina ialah Wong Ah Fook, Lim Ah Siang, Tan Hiok Nee dan lain-lain. Berbeza dengan sekolah Melayu dan Tamil, sekolah Cina telah mempunyai sekolah menengah Cina di setiap daerah di Johor yang bermula di Muar pada tahun 1924. Sekolah Cina di Pontian dan Mersing agak lewat dibangunkan kerana bilangan orang Cina yang tidak ramai. Pada tahun 1951, tiga buah sekolah Cina moden telah dibangunkan di Johor Bahru kerana keengganan kerajaan Singapura untuk menerima murid-murid dari negeri Johor. (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002)

PENDIDIKAN ORANG INDIA

Sepertimana orang Cina, sistem pendidikan Tamil mempunyai kaitan dengan kedatangan orang India ke Tanah Melayu. Mereka terdiri

daripada golongan buruh yang dibawa masuk menerusi beberapa kaedah, agak miskin dan kebanyakan kasta bawahan. Buruh India ditempatkan di kawasan perladangan getah. Namun begitu, terdapat juga orang India yang mendiami kawasan bandar dan mempunyai pekerjaan profesional. Justeru itu, orang India juga berkehendak kepada sistem pendidikan. Penjajah British pula tidak begitu berminat untuk membangunkan sistem pendidikan yang baik untuk kesemua rakyat di negara ini. Atas desakan kerajaan India, Ordinan Buruh 1923 menetapkan bahawa sebuah sekolah hendaklah didirikan di setiap kawasan ladang getah yang mempunyai 10 orang atau lebih kanak-kanak. Golongan saudagar dan peladang British dengan berat hati mengambil tanggungjawab membangunkan sistem pendidikan bagi anak-anak kaum buruh (Arasaratnam, 1980)

Oleh yang demikian, perkembangan sekolah Tamil tidaklah begitu menggalakkan berbanding dengan sekolah Cina. Ini boleh dilihat berdasarkan keadaan sekolah Tamil yang sangat tidak memuaskan. Biasanya mereka menggunakan ruang-ruang yang sedia ada untuk dijadikan sekolah. Hal ini disebabkan keengganan syarikat untuk melabur dalam sektor pendidikan. Keutamaan mereka ialah mengaut keuntungan semaksimal mungkin hasil daripada sektor perladangan getah. Guru-guru sekolah Tamil juga tidak terlatih serta gaji guru yang rendah. Kadangkala mereka yang bertindak sebagai guru terdiri daripada kerani ladang, penyelia ladang, pembancuh ubat, kangani atau bekerja sendiri. Ini menggambarkan tahap pendidikan sekolah Tamil yang begitu rendah. Sekolah Tamil juga dijalankan di peringkat rendah sahaja. Justeru itu, selepas menamatkan persekolahan, para pelajar tidak menikmati mobiliti sosial. Mereka akan terus bekerja di ladang untuk membantu menyara hidup keluarga. Bagi mereka yang berkemampuan, anak-anak mereka akan dihantar ke sekolah-sekolah Inggeris di bandar.

Terdapat empat jenis sekolah Tamil yang dibangunkan di negara ini iaitu:

1. Sekolah majikan ladang: Tanggungjawab majikan untuk membina sekolah dan menyediakan sistem pendidikan Tamil.

Mulai tahun 1930, pihak kerajaan British mula memantau perkembangan sekolah Tamil.

2. Sekolah mubaligh.
3. Sekolah persendirian.
4. Sekolah bantuan kerajaan.

Perkembangan sekolah Tamil yang agak perlahan boleh digambarkan seperti berikut. Pada tahun 1900-1920, terdapat hanya dua buah sekolah Tamil di negeri Johor. Sekolah Tamil yang pertama telah dikesan di Ladang Lanadron, Panchor, Muar pada tahun 1908. Sekolah Tamil yang kedua telah didirikan di kawasan bandar iaitu di Jalan Khalidi, Muar pada tahun 1910. Pada tahun 1930, terdapat lapan buah sekolah Tamil. Pada tahun 1928, nazir pertama sekolah Tamil telah dilantik, iaitu V. Raman. Pada tahun 1931, laporan Cheeseman menyatakan bahawa terdapat sebanyak 53 buah sekolah Tamil di kawasan ladang yang mendapat bantuan kerajaan. Bilangan sekolah telah bertambah kepada 59 buah pada tahun 1936. Sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat 130 buah sekolah Tamil di negeri Johor. (Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan, 2002)

PENDIDIKAN INGERIS

Penjajah British memang mengalakkan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris di kawasan bandar. Kebanyakan sekolah ini dibiayai oleh London Missionary Society. Mereka menggunakan pendidikan sebagai alat utama untuk menyebarkan agama Kristian di Tanah Melayu. Ia dimulai dengan penubuhan Penang Free School pada tahun 1816. Pendidikan Inggeris telah mendapat sambutan hebat di kalangan penduduk bandar terutamanya orang Cina dan sebilangan orang India dan orang Melayu. Pendidikan Inggeris mempunyai nilai ekonomi terutamanya dalam menyediakan peluang menyertai sektor pekerjaan kerajaan. Kemasukan pelajar ke sekolah Inggeris bergantung kepada

kemampuan ekonomi kerana setiap pelajar dikenakan bayaran yuran yang tinggi. Ini menjejaskan peluang di kalangan orang Melayu dan India. Faktor demografi juga menyebabkan orang Melayu dan India kurang menyertai sistem pendidikan Inggeris. Bagi masyarakat Melayu, kebanyakan mereka begitu bimbang dengan aqidah agama Islam sekiranya anak-anak dimasukkan ke dalam sekolah Inggeris.

PENDIDIKAN INGGERIS-CINA (ANGLO-CHINESE)

Pada peringkat awal, perkembangan pendidikan di kalangan orang Cina dan India memang tidak begitu banyak. Hal ini disebabkan golongan kanak-kanak adalah amat kurang. Namun begitu, apabila berlakunya pertambahan penduduk, maka ada keperluan untuk membangunkan sistem pendidikan berasaskan Anglo-Chinese School di beberapa buah bandar utama.

PENDIDIKAN VOKASIONAL

Pembangunan negara memerlukan sumber tenaga mahir dalam pelbagai sektor pekerjaan. Justeru itu, pendidikan vokasional Keretapi, Jabatan Elektrik dan Jabatan Telekomunikasi. Namun begitu, pada tahun 1930, semua sekolah vokasional dan teknik telah diselaraskan oleh Jabatan Pelajaran. Selepas Perang Dunia Kedua, terdapat cadangan untuk meningkatkan taraf Sekolah Teknik kepada status Kolej (Maktab). Atas keperluan pembangunan negara pada ketika itu, kerajaan British bersetuju untuk menubuhkan Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang. Sesungguhnya, penubuhan kedua-dua maktab ini bertujuan untuk melahirkan sumber tenaga kerja yang terlatih untuk menyumbang pembangunan negara, sama ada menerusi perkhidmatan kerajaan atau swasta.

PENDIDIKAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Perlaksanaan Perlembagaan Malayan Union menyumbang kepada fenomena hubungan etnik yang tidak harmoni dan memupuk politik perkauman. Dasar pentadbiran Jepun dan masalah perkauman yang semakin kuat telah menyebabkan tragedi konflik Melayu-Cina 1945, dan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam. Ini memungkinkan usaha-usaha British untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian kaum menerusi sistem pendidikan.

Perpaduan menjadi matlamat utama sesebuah negara, terutamanya negara yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa seperti Malaysia. Ini kerana apabila tiada perpaduan, ataupun perpaduan pada tahap yang sangat rendah, pertelingkahan antara kaum akan sering berlaku. Fenomena ini boleh menimbulkan kekacauan dan berlakunya kerosakan. Pandangan ini terbukti benar apabila tercetusnya satu peristiwa berdarah di negara ini pada 13 Mei 1969.

Manakala integrasi pula merupakan proses penyatuan dari semua aspek fizikal, sosial, ekonomi dan politik tetapi tidak termasuk biologikal. Sebagai sebuah negara yang didiami dengan pelbagai kaum dengan berbagai-bagai kebudayaan, agama dan ideologi yang berlainan, dua konsep ini amat ditekankan seperti pendapat yang dikemukakan oleh Tun Abdul Razak:

“Perpaduan dan integrasi penting supaya tenaga negara dapat disalurkan untuk memajukan negara daripada digunakan untuk menyelesaikan masalah yang wujud daripada kepelbagaian tersebut.”

Negara ini secara jelas menjadi sebuah negara yang berbilang kaum terutamanya selepas kedatangan Inggeris. Pihak Inggeris telah membentuk dasar migrasi liberal yang mana ia menggalakkan kemasukan buruh-buruh Cina, India, Sikh dan Indonesia untuk bekerja di sektor-sektor ekonomi tertentu. Serentak dengan itu juga, British memperkenalkan dasar pecah dan perintah di mana di bawah sistem ini, kumpulan-kumpulan etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India

dipisahkan mengikut tempat tinggal dan pekerjaan masing-masing.

Akibat daripada pengasingan sebeginilah yang telah menimbulkan sikap perkauman dan perasaan curiga sesama kaum. Pengasingan juga menyebabkan orang Melayu ketinggalan dari segi ekonomi dan pendidikan berbanding kaum Cina. Ramai antara mereka yang hidup miskin serta kurang ilmu pengetahuan berbanding orang Cina kerana tidak menikmati kemajuan, pemodenan dan kemudahan infrastruktur yang kesemuanya tertumpu di kawasan bandar. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka. Akibat daripada semangat perkauman dan perasaan curiga-mencurigai ini, berlaku beberapa rusuhan di Tanah Melayu, namun ianya tidak terlalu serius dan masih boleh dikawal.

Sistem pendidikan yang ditinggalkan oleh British, walaupun selepas kemerdekaan, masih menimbulkan masalah perpaduan kepada negara. Wujud kepelbagaian sekolah mengikut kaum dan tempat tinggal. Bagi pelajar Melayu, hanya dua jenis sistem pendidikan yang dibenarkan iaitu sekolah sekular Melayu ataupun aliran Inggeris yang memberi tumpuan kepada golongan atasan, dan sekolah Melayu aliran agama berbentuk pendidikan asas yang hanya dibuka kepada masyarakat golongan bawahan.

Bagi masyarakat India, sekolah Tamil dibuka di estet-estet. Walaupun guru-guru yang mengajar di sini dibawa daripada negara India namun mutu pengajaran mereka sangat rendah. Tidak ada pelajaran di peringkat menengah dalam Bahasa Tamil. Justeru itu, pelajar lepasan sekolah Tamil ini tidak mungkin berpeluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik dan akhirnya terus bekerja sebagai pekerja-pekerja estet.

Orang Cina juga mempunyai sistem pentadbiran mereka sendiri. Orang Cina memang terkenal dengan tradisi mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Guru-guru dan juga buku teks yang digunakan di sekolah ini dibawa dari negara China. Justeru itu, pelajar Cina lebih mementingkan pergolakan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara China berbanding di Tanah Melayu sendiri.

Fakta-fakta di atas menunjukkan aliran-aliran pendidikan di negara ini di zaman British saling berasingan dan memisahkan

pendangan antara kaum. British tidak bercadang menyatukan semua kaum dalam satu pendidikan dengan satu fahaman kerana fenomena ini boleh melahirkan semangat perpaduan dan nasionalisme yang sama di kalangan rakyat. Ini bukan matlamat utama kedatangan British ke Tanah Melayu. Justeru itu, amat jelas sekali bahawa setiap kaum ini menganggap diri mereka sebagai warganegara tempat asal mereka, dan hanya berhijrah untuk mencari rezeki dan bukannya untuk bermastautin. Fahaman sebegini juga menyebabkan mereka tidak terlalu mengambil berat aspek perpaduan dan pendidikan tempatan.

HALA TUJU PENDIDIKAN NASIONAL

Dasar Pendidikan Negara masa kini bertujuan untuk membentuk perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dasar pendidikan kebangsaan telah dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu penjajahan barat dan keadaan masyarakat yang berbilang kaum.

Sebagaimana yang diketahui umum, integrasi pendidikan yang wujud kesan daripada penubuhan Malayan Union pada tahun 1946 telah menimbulkan kesedaran kerajaan British bahawa sistem pendidikan perlu diselaraskan untuk menyatukan masyarakat berbilang kaum. Kesedaran ini telah terbukti dalam Rancangan Cheesemen yang mencadangkan sekolah Inggeris sebagai asas penyatuan sistem persekolahan. Penyatuan sistem persekolahan dilaksanakan melalui beberapa jawatankuasa pendidikan yang dilantik khas oleh kerajaan British untuk mengkaji sistem persekolahan di Tanah Melayu. Langkah susulan yang diambil dalam memastikan penyatuan sistem pendidikan berlaku ialah dengan kemunculan *Penyata Barnes*, 1950.

PENYATA BARNES 1950

Kerajaan British telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji lagi masa depan sistem pendidikan di Tanah Melayu pada masa itu. L.J. Barnes dari Universiti Oxford telah dilantik menjadi pengerusi dalam jawatankuasa yang ditubuhkan itu. Hasil daripada kajian yang telah dibuat, syor-syor ke arah satu sistem pendidikan kebangsaan yang memupuk semangat perpaduan kebangsaan di kalangan kanak-kanak sejak dari sekolah rendah telah diutarakan. Laporan tersebut menegaskan bahawa asas persekolahan harus memberi keutamaan dalam bahasa Melayu di samping bahasa Inggeris. Saranan ini dibuat dalam konteks mencapai matlamat ke arah nasionaliti (kebangsaan) di Tanah Melayu. Penyata Barnes menyarankan supaya persekolahan di peringkat rendah dijadikan alat bagi perpaduan dan penyatuan masyarakat. Jawatankuasa ini berpendapat bahawa sistem persekolahan baru ini dijadikan sebagai “sekolah rakyat” dalam membentuk satu sistem pendidikan yang betul-betul bercorak kebangsaan. Penyata Barnes telah menyediakan beberapa syor bagi kajian yang dibuat iaitu:

- Sekolah-sekolah vernakular yang mengutamakan pelajaran mengikut kaum ditutup dan digantikan dengan satu jenis sekolah rendah yang dikenali sebagai sekolah kebangsaan.
- Sekolah kebangsaan dibuka kepada kanak-kanak semua kaum dan diajar oleh guru-guru daripada pelbagai kaum dan keturunan.
- Sekolah rendah ini menggunakan dua bahasa pengantar, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Semua murid di sekolah rendah diberi pelajaran percuma selama enam tahun.
- Bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah.

LAPORAN FENN-WU 1951

Penyata Barnes menerima tentangan hebat daripada kaum Cina terutamanya golongan yang berpendidikan aliran sekolah Cina. Usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan telah menimbulkan bantahan di kalangan orang Cina, yang bimbang bahasa dan budayanya terancam. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa yang lebih memberi fokus kepada mengkaji kedudukan sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu. Maka muncul satu lagi laporan yang menjadi asas kepada integrasi pendidikan iaitu Laporan Fenn-Wu 1951. Jawatankuasa ini telah diketuai oleh Dr. W.P. Fenn iaitu seorang pakar pendidikan Amerika yang bertugas di negara China dan juga Dr. Wu Teh-Yao, seorang pegawai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Tugas utama jawatankuasa Fenn-Wu ialah mengkaji kemungkinan menjadikan sekolah Cina sebagai sekolah tiga aliran bahasa, dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan bahasa Cina sebagai satu mata pelajaran pilihan. Hasil daripada itu maka jawatankuasa tersebut telah mengesyorkan beberapa syor untuk mengatasi masalah ini.

- Sekolah Cina dikekalkan tetapi kurikulumnya hendaklah berdasarkan latar belakang tempatan.
- Sekolah Cina menyokong konsep penggunaan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar supaya perpaduan di antara kaum tidak akan terjejas.

Namun, konsep penggunaan tiga bahasa ini pula tidak dipersetujui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) kerana sukar dipraktikkan dan dasar itu tidak menyumbang kepada usaha-usaha mewujudkan perpaduan nasional.

JAWATANKUASA PENASIHAT PUSAT

Langkah seterusnya dalam menyatukan pendidikan di Tanah Melayu ialah dengan menubuhkan satu lagi jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam mengkaji Penyata Barnes dan Laporan Fenn-Wu. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Pusat. Hasil daripada kajian yang telah dibuat, jawatankuasa ini mengesyorkan pula beberapa langkah bagi mengatasi masalah yang wujud dalam kedua-dua jawatankuasa sebelumnya iaitu:

- Penubuhan dua jenis persekolahan iaitu menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- Pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil akan disediakan jika ada sekurang-kurangnya 15 orang murid yang ingin belajar bahasa tersebut.
- Sekolah kebangsaan untuk kanak-kanak semua kaum dicadang oleh Barnes akan dilaksanakan.

Syor-syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini telah diterima oleh kerajaan dan kemudian diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran 1952. Ordinan ini telah menerima konsep sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekolah Cina dan sekolah Tamil pula tidak termasuk dalam jenis sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan modal.

Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya telah membentuk satu kerajaan yang bertaraf pemerintahan persendirian. Kerajaan yang pada masa itu dikenali sebagai Kerajaan Perikatan telah sedar akan kepentingan satu dasar pendidikan yang baru untuk mencapai perpaduan rakyat, sekaligus menjamin keteguhan dan keamanan negara. Maka integrasi pendidikan telah dititikberatkan dalam semua aspek pendidikan negara pada masa itu, dan kerajaan Perikatan telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa pendidikan untuk mengkaji Dasar Pendidikan Kebangsaan. Maka Jawatankuasa Razak

telah ditubuhkan pada 30 September 1955 untuk mengkaji Ordinan Pelajaran 1952 dan membuat pindaan yang difikirkan perlu bagi mendapatkan hasil yang terbaik.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SELEPAS MERDEKA

Tahun-tahun selepas kemerdekaan menunjukkan usaha-usaha untuk membangun dan mengembangkan bidang pendidikan dalam negara. Tetapi usaha tersebut bukanlah dapat dicapai dengan begitu mudah. Dasar ini disekalikan dengan dasar-dasar negara yang lain untuk membangunkan negara dan memupuk perpaduan nasional. Justeru itu, jangka masa selepas 1957 adalah tempoh yang paling genting untuk menegak dan memperkembangkan sekolah menengah Melayu. Di samping itu, usaha-usaha yang meluas dan giat diadakan untuk mengukuhkan pengajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu. Kedua-dua hal tersebut adalah penting dalam konteks pihak kerajaan yang berusaha untuk memupuk dan menyerapkan inisiatif kebudayaan kebangsaan bercirikan ke-TanahMelayuan. Dalam konteks ini, harus dijelaskan tentang sumbangan guru-guru Melayu yang menjadi tulang belakang dalam perjuangan politik untuk kemerdekaan Tanah Melayu. Mereka merupakan golongan 'intelligentsia' Melayu yang besar dan berpengaruh terutama sekali di peringkat akar umbi. Sebagai golongan terpelajar, yang kukuh identiti dan jati diri serta mempunyai semangat yang kuat untuk membangunkan bangsa Melayu dan negara (Isahak Haron, 1980), mereka menggerakkan usaha ini menerusi sekolah-sekolah Melayu, persatuan guru-guru Melayu, pergerakan parti politik dan kerja-kerja kebajikan di kampung. Ini merupakan kesinambungan perjuangan golongan guru dalam pemugaran, penyuburan dan pemeraksanaan nasionalisme Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Hasil perjuangan golongan guru boleh dilihat berdasarkan dasar-dasar kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan meningkatkan sistem pendidikan dari sekolah rendah kepada peringkat menengah dan pengajian tinggi.

LAPORAN RAZAK

Jawatankuasa Razak telah dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein sendiri selaku Menteri Pendidikan pada masa itu. Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah menyatukan pelajar-pelajar daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar. Semua sekolah-sekolah rendah dan menengah hendaklah bercorak Tanah Melayu. Kaedahnya ialah dengan menyamakan sukatan pelajaran semua sekolah-sekolah. Tujuan utama Jawatankuasa Razak ditubuhkan ialah:

- Membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh menyatupadukan kanak-kanak negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping menjamin perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum-kaum lain.

Jawatankuasa ini telah meminta saranan daripada orang ramai dan persatuan tentang isu-isu pendidikan. Hasil kajian jawatankuasa ini terkandung dalam Laporan Razak yang dikemukakan pada bulan April 1956. Penyata Razak telah mengemukakan beberapa syor tentang pendidikan rendah, pendidikan menengah dan sistem peperiksaan iaitu:

- Pendidikan Rendah

Sekolah rendah dibahagikan kepada dua jenis :

- Sekolah rendah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- Sekolah rendah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

Laporan Razak menekankan semula tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, di samping pengajaran bahasa Inggeris. Kongres Bahasa ke-3 di Johor Bahru juga mencadangkan hal yang sama, di samping mencadangkan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada masa yang sama, kelonggaran mengenai penggunaan bahasa Cina dan Tamil diberikan di peringkat sekolah rendah (jenis kebangsaan).

Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris juga dijadikan mata pelajaran wajib di kedua-dua jenis sekolah ini. Murid-murid keturunan Cina dan India di sekolah aliran Inggeris diberi peluang untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing jika ada. sekurang-kurangnya kelayakan sijil Sekolah Menengah Rendah serta mendapat latihan sepenuh masa selama satu tahun dan diikuti dua tahun lagi separuh masa.

Pendidikan Menengah

Satu jenis sekolah menengah sahaja di mana bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa wajib dipelajari oleh semua murid. Sekolah ini terbuka kepada semua kaum dan menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Bagi memasuki sekolah menengah, murid-murid perlu lulus peperiksaan sekolah menengah. Sistem pendidikan di sekolah menengah dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu peringkat Sekolah Menengah Rendah selama tiga tahun, Sekolah Menengah Atas, dua tahun dan Pra Universiti, dua tahun.

Sistem Peperiksaan

Pendidikan di sekolah menengah rendah mengambil masa tiga tahun. Satu peperiksaan sama iaitu peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) akan dijalankan di peringkat Tingkatan 3. Pelajar yang lulus dalam SRP pula layak menduduki menengah atas selama dua tahun lagi sehingga Tingkatan 5. Pada akhir tahun tingkatan 5 pelajar layak untuk menduduki Sijil Persekutuan Tanah Melayu yang sama tarafnya dengan Cambridge Overseas Certificate dan seterusnya pendidikan

pra-universiti. Kesemua sukatan pelajaran menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan ianya sudah lama diterima sebagai satu daripada cara untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum pada masa itu. Unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat yang berbilang kaum.

LAPORAN RAHMAN TALIB

Laporan Razak telah mendapat tentangan daripada orang Melayu dan juga orang bukan Melayu. Oleh itu, sebuah jawatankuasa Penyemakan Pelajaran telah ditubuhkan pada tahun 1959 untuk mengkaji semula pelaksanaan Laporan Razak dan langkah-langkah bagi mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan.

Jawatankuasa ini telah diketuai oleh Abdul Rahman bin Haji Talib, Menteri Pendidikan pada masa itu. Tidak terdapat banyak perubahan yang dilaksanakan kerana beliau sendiri telah berpuas hati dengan usul yang dikemukakan dalam Penyata Razak. Beliau hanya menambah beberapa syor atas pandangan beliau sendiri. Antara syor-syor yang dicadangkan oleh Laporan Rahman Talib 1960 ialah Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi, semua peperiksaan awam di sekolah-sekolah menengah diadakan dalam bahasa Melayu, calon diwajibkan lulus dalam peperiksaan mata pelajaran bahasa Melayu untuk memasuki sekolah menengah dan mewujudkan kelas peralihan. Kelas peralihan ini diwujudkan supaya semua pelajar tingkatan tiga diwajibkan mengambil peperiksaan SRP/LCE yang dijalankan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun syor ini telah mendapat masalah daripada sekolah rendah aliran Cina dan Tamil. Oleh itu satu kelas peralihan sementara telah diwujudkan selama setahun untuk mengatasi masalah ini.

Beliau juga mencadangkan kenaikan secara automatik iaitu kenaikan di semua sekolah rendah dan sekolah menengah bantuan

kerajaan. Peluang pendidikan selama 9 tahun disediakan secara automatik iaitu 6 tahun sekolah rendah dan 3 tahun sekolah menengah. Pelajaran rendah percuma disarankan kepada semua sekolah rendah kerajaan tanpa mengira bahasa pengantarnya. Selain itu beliau juga turut mencadangkan supaya mata pelajaran akhlak serta pendidikan teknikal dan vokasional diperkenalkan.

AKTA PELAJARAN 1961

Segala syor Rahman Talib telah dijadikan Akta Pelajaran 1961. Akta pelajaran ini telah menetapkan satu kurikulum yang sama untuk semua sekolah yang berlainan aliran bagi tujuan mewujudkan perpaduan kaum di negara ini. Bahasa Melayu juga digunakan dengan sepenuhnya di semua peringkat pengajian iaitu dari sekolah rendah hingga ke pusat pengajian tinggi. Akta ini juga menetapkan umur minimum kanak-kanak meninggalkan sekolah iaitu 15 tahun.

SISTEM PENDIDIKAN SELEPAS TAHUN 1961

Perkembangan sistem pendidikan di negara kita selepas tahun 1961 boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu:

Fasa 1 (1961-1970) - ia bertujuan memperluaskan peluang dan meningkatkan penyertaan pelajar terutamanya pelajar luar bandar ke peringkat sekolah menengah.

Fasa 2 (selepas 1970) - ia bertujuan mempertingkatkan mutu pelajaran dengan mempelbagaikan mata pelajaran yang diajar di sekolah supaya selaras dengan pembangunan ekonomi.

AKTA PENDIDIKAN 1996

Falsafah pendidikan negara telah dijadikan landasan Akta Pendidikan Kebangsaan yang digubal setelah mengambilkira pandangan dan aspirasi semua pihak. Dalam akta pendidikan, konsep sistem pendidikan kebangsaan dimantapkan dengan meliputi semua peringkat persekolahan dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi, dan meliputi semua kategori sekolah, iaitu sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuhkan dengan memperkenalkannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini diperkuatkan lagi dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah dan institusi pendidikan. Kurikulum semua jenis dan kategori sekolah diselaraskan dengan kehendak negara apabila Kurikulum Kebangsaan, yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 wajib digunakan oleh semua pihak. Murid-murid dari semua jenis dan kategori sekolah akan disediakan untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh kerajaan, dan sekaligus memudahkan kita menggunakan penilaian atau pengukuran yang sama tentang pencapaian murid-murid dari sekolah-sekolah di negara ini.

Pendidikan Islam akan diperluaskan untuk diikuti oleh murid-murid Islam di semua kategori sekolah termasuk sekolah swasta dan diperkukuhkan lagi dengan menjadikan pelajaran tersebut sebagai salah satu daripada pelajaran teras di sekolah-sekolah.

Menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan berdasarkan pemuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin terdahulu, Akta Pendidikan 1996 mengambilkira kepentingan semua kaum dengan cara mengekalkan status quo sekolah rendah jenis kebangsaan. Akta Pendidikan 1996 juga turut memperuntukkan pengajaran bahasa suku kaum di negara ini sekiranya didapati munasabah untuk dilaksanakan.

PENDIDIKAN ASAS PEMBANGUNAN PERPADUAN

Sejarah pendidikan di negara ini, terutamanya selepas merdeka, telah dirangka bagi tujuan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai wawasan hidup bersama berprinsipkan kepada keadilan sosial. Penekanan kepada konsep 'Malayanization' ialah untuk membina satu bangsa Malaysia yang mempunyai taat setia dan cintakan negara serta dapat menyumbang ke arah masa depan pembangunan bangsa. Pembinaan ciri-ciri kenegaraan yang bertunjangan konsep 'Malayanization' iaitu satu proses membina generasi baru Malaysia yang berpendidikan dan berkiblatkan Malaysia, menggunakan bahasa Malaysia sebagai lambang penyatuan dan kekuatan budaya bangsa, menggunakan kurikulum berorientasikan Malaysia dan mendukung aspirasi dan cita-cita baru pembinaan negara Malaysia. Sistem penilaian yang seragam juga diwujudkan untuk pensijilan dan pengiktirafan. Sekolah dikehendaki menanamkan bibit-bibit kesedaran baru untuk penyatuan, perpaduan dan pembangunan kewarganegaraan.

Sistem pendidikan yang digubal mendukung wawasan bagi membina semula negara baru berteraskan kepada negara-bangsa. Konsep pembinaan bangsa dan negara menyebabkan terbentuknya 'negara-bangsa' (nation-state) yang bertujuan untuk mengukuhkan dan mendaulatkan imej, identiti dan kewibawaan bangsa yang dikaitkan dengan negara. Asas-asas pembinaan negara ini dibuat dengan memperkukuhkan unsur-unsur nasionalisme dan budaya kebangsaan seperti bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan, kuasa politik ketuanan, perlembagaan negara yang menjamin kedudukan negara-bangsa dan agama, dan begitu juga dengan lambang-lambang kedaulatan negara-bangsa. Lambang-lambang kenegaraan yang berteraskan kepada negara-bangsa ditonjolkan bukan sahaja sebagai satu penghayatan kesedaran tetapi juga bagi tujuan melambangkan cita-cita, keunggulan, kebanggaan, perpaduan dan kedaulatan bangsa dan negara.

Peranan pendidikan dalam proses pembinaan bangsa Malaysia perlu disasarkan kepada wawasan 2020, iaitu satu gagasan

pembinaan masa depan masyarakat Malaysia yang bertunjangkan kepada sembilan cabaran utama; bagi mewujudkan masyarakat adil, demokratik, penyayang, progresif dan dinamis, masyarakat sains dan teknologi. Peranan penting pendidikan dalam pembinaan masyarakat masa hadapan ialah dengan memberi penekanan kepada sains dan teknologi selaras dengan perkembangan masyarakat teknologi dan masyarakat bermaklumat. Pendidikan juga perlu bertunjangkan kepada falsafah pembangunan seimbang, menggilap potensi dan kebolehan individu untuk maju, membangun dan membina kesejahteraan hidup yang lebih baik.

Pendidikan sejarah adalah asas penting dalam pembinaan bangsa Malaysia. Mempelajari sejarah bukanlah semata-mata untuk mendapatkan pengetahuan, tetapi ianya boleh menjadi pedoman dan memberi iktibar kepada sesuatu bangsa tentang apa yang telah berlaku. Oleh sebab sejarah memberikan banyak pengajaran yang berkait rapat dengan jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan negara maka sejarah patut dijadikan garis panduan untuk pembinaan semula kedudukan dan kekuatan bangsa dan negara. Patriotisma adalah satu elemen utama dalam pendidikan sejarah yang bertujuan membina kesedaran dan mengukuhkan semangat perjuangan dan cintakan bangsa dan negara. Memupuk nilai-nilai patriotisme pada umumnya menjadi matlamat penting pendidikan sejarah dan ianya dapat dicapai sekiranya kurikulum sejarah negara ini menitikberatkan nilai-nilai ini.

Melalui nilai patriotisme yang menjadi asas untuk mengembangkan semangat kebangsaan dan semangat kenegaraan, adalah diharapkan generasi muda mempunyai semangat ketahanan yang baik, berbangga dengan negara mereka dan mampu menghadapi persaingan dalam dunia yang berubah. Semangat patriotisme ini akan memperkukuhkan perkembangan individu dengan membina semangat cintakan bangsa dan negara, mencurahkan kesetiaan dan perjuangan mereka kepada kepentingan agama, bangsa dan negara.

Beberapa contoh pendidikan yang bertujuan menanamkan semangat patriotisme boleh diteliti seperti yang berlaku di negara Jepun dan Amerika Syarikat. Nilai-nilai patriotisme di negara ini

disemai dengan meluas dalam sistem pendidikan dan persekolahan. Justeru itu, kurikulum pendidikan di sekolah perlu dikaji semula bagi tujuan memupuk dan menyemaikan semangat patriotisme di kalangan generasi muda. Semangat patriotisme amat penting bagi menghadapi cabaran globalisasi yang melanda dan cuba menghancurkan pembinaan konsep negara-bangsa.

DASAR BAHASA KEBANGSAAN

Pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan yang menekankan bahasa Malaysia mula diperluaskan dan dipertingkatkan. Sistem pendidikan ini diharapkan akan dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai agen sosialisasi bagi memupuk keperibadian dan kesedaran bersama di kalangan rakyat. Di samping itu, penyebaran dan penggunaan bahasa Malaysia juga dilaksanakan dengan lebih sistematik dan serius. Selain menjadi alat perhubungan di kalangan rakyat, ia juga bertujuan untuk melahirkan satu identiti kebangsaan.

Walau bagaimanapun, jika proses pemupukan perpaduan itu mengambil masa yang begitu lama, maka ada kemungkinan proses itu dipintas oleh pengaruh asing. Mujurlah hal ini disadari sejak negara mencapai kemerdekaan lagi. Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan berteraskan perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan beberapa penyata serta akta-akta pendidikan yang lain telah membolehkan semua kaum berkomunikasi secara berkesan menggunakan bahasa Melayu, dan mempunyai latar belakang pendidikan yang sama. Unsur-unsur pemangkin yang efektif juga telah berjaya menghasilkan beberapa pelaksanaan dasar pembangunan ekonomi dan memantapkan dasar-dasar kesederhanaan dan kestabilan politik. Selain daripada itu, ia harus meneruskan usaha-usaha penggembelangan tenaga yang telah terbukti berkesan, di samping mengenalpasti langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi faktor-faktor penghalang. Semua ini menuntut komitmen, kebijaksanaan, keikhlasan dan kesedaran yang berterusan. Setidak-tidaknya produk kebudayaan yang berpotensi

untuk dimanfaatkan dalam menyatupadukan rakyat pelbagai kaum perlu dihasilkan, dan kesedaran terhadap kepentingan kebudayaan terus disemarakkan.

SEKOLAH WAWASAN

Untuk memantapkan lagi perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat pelbagai kaum, pihak kerajaan di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan penubuhan Sekolah Wawasan. Sekolah Wawasan bukanlah mengubah dasar pendidikan yang sedia ada secara drastik. Ia hanya menempatkan ketiga-tiga buah sekolah jenis kebangsaan di sebuah kawasan yang sama. Menerusi Sekolah Wawasan, ia membolehkan pelajar berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain sama ada di dalam kawasan sekolah, kantin dan padang permainan.

KESIMPULAN

Sistem dan dasar pendidikan kebangsaan telah mula mendapat perhatian utama dari pihak penjajah dan pemerintah Tanah Melayu yang merdeka. Perkembangan pendidikan zaman penjajahan telah mempengaruhi tahap kesedaran di kalangan masyarakat. Hakikatnya, penjajah British memang tidak berminat membangunkan sistem pendidikan yang baik dan moden untuk rakyat Tanah Melayu. Hal ini disebabkan tumpuan utama mereka ialah menguasai sepenuhnya tanah jajahan dan ekonomi negara ini.

Selain itu, dalam konteks hubungan antara etnik, Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan acuan tempatan adalah di atas landasan yang tepat untuk membawa generasi masa hadapan sebagai generasi yang bersatu padu. Pendekatan yang dibawa oleh asas Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berbentuk bersepadu dan holistik. Ia selaras dengan dasar semasa ke arah pembinaan insan yang

unggul. Pendidikan merupakan agen sosialisasi yang penting untuk membentuk masyarakat masa hadapan yang bersatu padu. Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah bertepatan dengan hasrat negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dengan ikatan masyarakat yang kukuh perpaduannya berasaskan ramuan tempatan. Kita tidak perlu merubah dasar-dasar pendidikan, semata-mata untuk melakukan perubahan. Sebaliknya kita perlu mengukuhkan dan memperkasakan dasar-dasar pendidikan yang sedia ada untuk mewujudkan perpaduan nasional, kestabilan politik dan pembangunan negara.